

27 MAY 1996

Syed Hamid

HANYA SEORANG ANGGOTA TENTERA MATI KERANA AIDS

KUALA LUMPUR, 27 Mei (Bernama) -- Hanya seorang anggota tentera yang disahkan menghidap penyakit Aids meninggal dunia setakat ini, kata Menteri Pertahanan Datuk Syed Hamid Albar hari ini.

Beliau berkata beberapa orang anggota tentera telah juga disahkan sebagai pembawa kuman HIV tetapi jumlahnya tidak membimbangkan.

"Bagaimanapun, oleh kerana AIDS merupakan satu penyakit yang merebak sekiranya tiada langkah pencegahan, maka Angkatan Tentera kini mempertingkatkan kesedaran di kalangan anggotanya mengenai penyakit itu serta cara mengelakkannya," katanya kepada pemberita selepas merasmikan ceramah Aids bagi anggota tentera di Wisma Pertahanan di sini.

Beliau berkata mereka yang mendapat virus HIV itu bukanlah sebab mereka anggota tentera, tetapi sebagai manusia biasa mereka terdedah kepada gejala yang boleh menyebabkan penyakit itu terutama ketika berkhidmat di luar negeri.

Katanya anggota yang disahkan membawa virus HIV itu masih berkhidmat seperti biasa dan mereka diberikan rawatan serta kaunseling oleh Kor Perubatan ATM menurut prosedur yang ditetapkan oleh Kementerian Kesihatan.

Mengenai ujian darah bagi mengesan virus HIV, Syed Hamid berkata setiap anggota tentera wajib menjalani ujian seumpama itu dari semasa ke semasa tanpa mengira sama ada mereka baru pulang daripada menjalankan tugas di seberang laut.

Apa yang penting, katanya ATM menekankan tentang aspek cara hidup yang sihat di kalangan anggotanya walau di mana sahaja mereka berada.

Ceramah mengenai Aids itu disampaikan oleh Pakar Perunding Hospital Kuala Lumpur Dr Christopher Lee serta penerangan ringkas mengenai aktiviti Yayasan Aids Malaysia oleh Pengerusinya Puan Marina Mahathir.

Mengenai kejadian letupan bom tangan yang mengorbankan dua anggota tentera di Depot Peluru, Rawang pada Rabu lepas, beliau berkata kementerian telah menamatkan siasatan berhubung kejadian itu dan mengesahkan ianya bukan berpunca daripada kecuaiian.

Menurutnya kedua-dua anggota yang memeriksa bom tangan itu Prebet Azlan Mokri, 22, dan Prebet Mohd Fazuli Ibrahim, 24, merupakan pakar dalam bidang mereka dan kemalangan itu sememangnya tidak dapat dielakkan.

"Kedua-dua mereka merupakan anggota yang terlatih dan telah menjalankan cucian bom tangan beratus-ratus kali sebelum ini dan ianya merupakan prosedur biasa. Kejadian itu sememangnya amat malang sekali," kata Syed Hamid.

-- BERNAMA

AKT AHH